

10/03/2004

Aranda Doctor Siti Hasmah hibrid baru orkid

KUALA LUMPUR: Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) menamakan satu hibrid orkid baru dengan nama Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali bagi menghargai jasa dan minat mendalam beliau terhadap penyelidikan bunga orkid.

Ketua Pengarah Mardi Saharan Anang berkata, bunga orkid yang dinamakan 'Aranda Doctor Siti Hasmah' itu adalah sumbangan kecil Mardi yang tidak dapat dinilai dengan sumbangan besar Dr Siti Hasmah kepada pembangunan industri bunga-bungaannya khususnya orkid di negara ini.

"Penamaan bunga ini juga melambangkan ingatan tulus ikhlas Mardi kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad yang sentiasa memberi dorongan kepada kemajuan institut ini sehingga kini," katanya dalam ucapan Majlis Penyerahan Orkid 'Aranda Doctor Siti Hasmah' kepada Dr Siti Hasmah di Serdang semalam.

Beliau berkata, menjadi tradisi Mardi menamakan orkid hasil penyelidikan dengan nama orang kenamaan negara seperti 'Dendrobium Tuanku Najihah' dan 'Mokara Tuanku Siti Aishah'.

Orkid jenis Aranda ini adalah kacukan antara dua generasi orkid iaitu 'Aranda Christine Alba' dan "Vanda Boon Mark Gold".

"Generasi kedua hibrid baru Aranda yang dihasilkan mempunyai saiz bunga yang lebih besar berbentuk silinder dan bentuk bungaannya lebih menarik," kata Saharan.

Bunga orkid jenis ini berwarna putih kekuningan dengan bintik-bintik ungu dan sesuai dijadikan sebagai bunga keratan kerana boleh bertahan melebihi dua minggu.

Pokoknya kerap berbunga, mudah dijaga dan bertindak balas dengan baik pada pembajaan.

"Dijangka orkid ini dapat menarik perhatian ramai disebabkan saiz bunganya yang lebih besar dan warnanya yang unik," kata Saharan.